



Headline: Lagi mangsa diperdaya pegawai LHDN palsu
Publication/Portal: Kosmo
Date: 2 April 2021

Language: Malay
Section: Negara
Page: 14

Lagi mangsa diperdaya pegawai LHDN palsu

KUANTAN – Seorang penganggur di sini mengalami kerugian RM5,600 selepas diperdaya seorang individu yang menyamar sebagai pegawai percukaian dalam kejadian kelmarin.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Komersial Pahang, Superintendan Mohd. Wazir Mohd. Yusof berkata, lelaki berusia 25 tahun itu pada mulanya menerima panggilan daripada suspek yang kononnya pegawai Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN).

Menurutnya, suspek mendakwa mangsa mempunyai tunggakan cukai perniagaan sebanyak RM38,600 dan perlu menjelaskan hutang tersebut jika tidak mahu dikenakan tindakan mahkamah.

"Suspek juga meminta maklumat peribadi serta maklumat perbankan online milik mang-

sa.

"Selepas perbualan itu, mangsa yang takut dengan ugutan tersebut telah membuat pemindahan wang sebanyak RM4,000 untuk perlindungan daripada tindakan," katanya dalam satu kenyataan semalam.

Mohd. Wazir memberitahu, mangsa kemudian menerima nombor kod pengesahan transaksi (TAC) perbankan dalam talian sebanyak tiga kali melalui telefon bimbit.

Katanya, nombor TAC tersebut telah diserahkan mangsa kepada suspek sebelum menyedari dirinya telah tertipu.

"Mangsa hadir membuat laporan di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Kuantan dan kes disiasat mengikut Seksyen 420 Kanun Keseksaan kerana menipu," ujarnya.

Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia
January 11, 2021



LHDN pernah mengeluarkan peringatan kepada orang ramai agar tidak mudah menjadi mangsa penipuan. – GAMBAR HIASAN